

AKHBAR : BH AHAD
MUKA SURAT : 17
RUANGAN : NASIONAL

BH AHAD 27 Ogos 2023

Nasional

17

Nyamuk aedes berwolbachia dilepaskan berperingkat

Segamat: Nyamuk aedes berwolbachia akan terus dilepaskan secara berperingkat menerusi Projek Pelepasan Nyamuk Berwolbachia di lokaliti yang dikenal pasti mencatatkan peningkatan kes demam denggi.

Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa, berkata sejak dilepaskan pada Julai 2019 sehingga Mei lalu secara berperingkat, 50 juta nyamuk aedes berwolbachia dilepaskan ke 28 lokaliti di Pulau Pinang, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) dan Putrajaya, Melaka, Kelantan, Pahang dan Johor.

"Setakat ini lokaliti pelepasan di Selangor adalah yang

terbanyak iaitu 10 dan diikuti WPKL (tujuh). Pelepasan berterusan akan dilakukan untuk lokaliti sedia ada mengikut jadual ditentukan dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga sedang memilih lokaliti baharu untuk pelepasan seterusnya," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Majlis Pelancaran Program MADANI Afiat Peringkat Negeri Johor dan Gotong Royong Mega Perangi Aedes 2.0 Peringkat Kebangsaan di Sekolah Kebangsaan Kampung Jawa di sini semalam.

Seramai 415 sukarelawan dari MyCHAMPION COMBI dari

daerah Segamat dan Hero Kebersihan dari SWCorp, serta agensi kerajaan dan swasta terbabit dalam program pagi semalam, yang turut melibatkan aktiviti pemeriksaan kebersihan persekitaran bagi pengawalan demam denggi di kawasan berkenaan.

Kes denggi masih meningkat

Dr Zaliha berkata aktiviti pembersihan persekitaran penting memandangkan demam denggi masih menjadi ancaman kesihatan awam di rantau ini termasuk di Malaysia.

"Sejak Januari hingga 12 Ogos lepas, KKM melaporkan 73,680 kes berbanding 33,911 kes pada

tempoh yang sama tahun lalu, iaitu peningkatan 117 peratus. Bagi kes kematian pula, 53 kes dilaporkan berbanding 22 kes pada tahun 2022, peningkatan sebanyak 141 peratus.

"Justeru, dengan aktiviti gotong sebegini, kita akan dapat menghapuskan tempat pembiakan aedes sebagai usaha mengesahkan kejadian demam denggi yang boleh menyebabkan kematian," katanya.

Sementara itu beliau berkata Program MADANI Afiat yang keempat dilaksanakan selepas Selangor, Kedah dan Terengganu, ditambah baik dengan turut melibatkan pemeriksaan kole-

trol darah di bawah aktiviti Touch Point, iaitu saringan kesihatan dari rumah ke rumah.

"Sebelum ini kita membuat saringan kesihatan yang melibatkan pemeriksaan paras tekanan darah dan paras glukosa darah (hemo glucose test-HGT) selain memberi pendidikan kesihatan berkaitan cara hidup yang sihat.

"Namun kali ini dengan bantuan 130 jururawat dari Institut Latihan KKM (ILKKM) Batu Pahat, kita buat juga pemeriksaan paras kolestrol darah dan saringan ini akan diperluaskan ke program MADANI Afiat seterusnya," katanya. BERNAMA

AKHBAR : KOSMO AHAD
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NEGARA

Manfaat berguna Program Madani Afiat untuk kesejahteraan rakyat

Touch Point santuni pesakit di rumah

Oleh FARAHWAHIDA AHMAD

SEGAMAT - Perkhidmatan Touch Point saringan kolesterol dalam pelaksanaan pemeriksaan kesihatan menerusi Program Madani Afiat menyediakan penyediaan terbaik kepada rakyat terutama di luar bandar.

Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa berkata, menerusi platform Touch Point yang berkonsepkan door-to-door health screening oleh petugas kesihatan, saringan kesihatan percuma diberi kepada rakyat di rumah, terutamanya warga emas yang menetap di kawasan luar bandar.

Katanya, pemeriksaan kesihatan dengan kaedah pelaksanaan sebegini boleh membantu KKM di setiap daerah untuk mengenal pasti mana-mana individu yang menghidap penyakit tidak berjangkit.

"Pengenalpastian tersebut membolehkan fasiliti kesihatan KKM yang berhampiran menyediakan rawatan susulan yang sesuai dengan penyakit yang dihadapi individu, lebih-lebih lagi yang berdepan dengan dugaan kesempitan kewangan," katanya pada pelancaran Program Madani Afiat Negeri Johor dan Gotong Royong Mega Perangi Aedes 2.0 peringkat kebangsaan di Sekolah Kebangsaan (SK) Kampung Jawa



DR. ZALIHA (kiri) meninjau sebuah ruang pameran pada Program Madani Afiat Negeri Johor di SK Kampung Jawa, Segamat semalam.

di sini semalam.

Menurutnya, sebagai negeri keempat yang menganjurkan Madani Afiat selepas Selangor, Terengganu dan Kelantan, beliau berasakan pelaksanaan saringan kesihatan merupakan perkara penting yang seharusnya diutamakan dalam meneruskan program tersebut di Johor.

Lagipun katanya, Parlimen

Sekarang di sini, menjadi parlimen pertama bakal menjayakan perkhidmatan Touch Point saringan kolesterol dalam pelaksanaan pemeriksaan kesihatan menerusi Program Madani Afiat.

Tambah beliau, rangkaian penyampaian perkhidmatan yang diterapkan menerusi konsep Touch Point itu merupakan interpretasi kepada Tunggak Per-

tama yang digariskan dalam Ker-tas Putih Kesihatan yang beliau bentangkan di Parlimen pada bulan Mei lalu.

"Kebersamaan yang saya fahamkan dalam menunaikan mandat rakyat merupakan rahsia di sebalik pengilhaman Madani Afiat.

"Istilah tersebut diilhamkan daripada keprihatinan, tekad

serta aspirasi yang saya kongsi-kan bersama keluarga besar Kementerian Kesihatan yang bercita-cita ingin menjadikan Malaysia Madani sebagai era yang ditamadunkan dengan kesejahteraan rakyat dalam aspek kesihatan atau afiat.

"Afiat yang difrasakan itu bukanlah semata-mata tentang kesihatan sendiri. Ia juga menzahirkan makna sebenar kejutuan Kerajaan Perpaduan dalam menerapkan nilai-nilai konstruktif yang boleh membangunkan negara dalam konteks keupayaan rakyat sebagai penyumbang ekonomi.

"Rakyat yang sihat menghasilkan kemajuan yang mampan. Sebagai nakhoda Kementerian Kesihatan, saya memikul mandat besar untuk memperkasakan ekosistem kesihatan negara yang sudah tentu akan memberi manfaat yang progresif kepada rakyat Malaysia Madani," kongsiinya.

Beliau berkata, saringan Madani Afiat yang dijalankan di tiga buah negeri sebelum ini berjaya menyaring seramai 1,416 rakyat yang berusia 18 tahun dan ke atas.

Daripada jumlah itu, seramai 568 individu direkodkan menghidap tekanan darah tinggi atau hipertensi, manakala 402 individu didapati mengalami diabetes.

AKHBAR : SUNDAY STAR
MUKA SURAT : 13
RUANGAN : NATION

Move to fight back dengue

Wolbachia-armed mosquitoes unleashed in high-risk areas

SEGAMAT: Wolbachia-infected Aedes mosquitoes will be continuously released in stages via the Wolbachia Mosquito Release project in areas with increased dengue cases.

Health Minister Dr Zaliha Mustafa said 50 million Wolbachia mosquitoes had already been released between July 2019 and May 2023 at 28 locations in Penang, Selangor, the Federal Territories of Kuala Lumpur and Putrajaya, Melaka, Kelantan, Pahang and Johor.

"So far, the highest number of locations (with released Wolbachia mosquitos) is 10 in

Selangor, followed by seven locations in Kuala Lumpur.

"The release will be carried out for the existing locations as per schedule and the Health Ministry is also identifying other locations for further release," Dr Zaliha said after launching the Johor state-level "Madani Afiat" and national-level Gotong-Royong Mega Perangi Aedes 2.0 programmes at SK Kampung Jawa here yesterday.

-At the event, 415 volunteers from MyChampion Combi in Segamat and 'Hero Kebersihan' (cleanliness heroes) from SWCorp joined government and private

agencies to carry out detection and cleaning activities to control dengue cases in the area.

Dr Zaliha said such activities are critical as dengue fever still poses a massive public health threat to the nation as a whole.

"Between January and Aug 12, the ministry recorded 73,680 cases compared with 33,911 cases for the same period last year, an increase of 117%.

"Fatalities for the same period are 53 this year compared with 22 last year, an increase of 141%," she said.

She said yesterday's launch of Madani Afiat in Johor is the fourth

to be implemented, after Selangor, Kedah and Terengganu, and it was improved with the addition of cholesterol tests using the TouchPoint method via door-to-door screening.

"Prior to this, we did screenings for blood pressure and blood glucose levels (hemo glucose test-HGT) as well as educating people on healthy lifestyles.

"This time, we screened for cholesterol with the assistance of 130 nurses from the Batu Pahat Health Ministry Training Institute. The screening will be offered in future Madani Afiat programmes," she said. — Bernama